

Volume 20, No. 1  February 2023

JOURNAL OF

Islam in Asia

A Refereed International Biannual Arabic – English Journal

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

إِنَّمَا
يُنشأ
الله
من
عبادته
العلماء



JOURNAL OF *Islam in Asia*

Volume 20, No. 1 February 2023

ISSN: 1823-0970 E-ISSN: 2289-8077

Journal of Islam in Asia

SPECIAL ISSUE: ISLAMIC CONTEMPORARY RESEARCH

Selected Papers from the International Conference on Islamic
Contemporary Studies and Management 2021 (ICICM2021)

EDITOR-in-CHIEF

Abdul Salam @ Zulkifli B. Muhamad Shukri

EDITOR

Noor Azlan B. Mohd Noor

ASSOCIATE EDITOR

Homam Altabaa

GUEST EDITORS

Homam Altabaa

Mohd Aizul B. Yaakob

Mohammad Dhiya'ul Hafidh B. Fatah Yasin

Raudlotul Firdaus B. Fatah Yasin

Kamel Ouinez

COPY EDITOR

Nur Mashitah Wahidah Bt. Anuar

EDITORIAL ADVISORY BOARD

LOCAL MEMBERS

Abdel Aziz Berghout (IIUM)

Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)

Nadzrah Ahmad (IIUM)

Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)

Sayed Sikandar Shah (IIUM)

Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)

Thameem Ushama (IIUM)

INTERNATIONAL MEMBERS

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)

Abu Bakr Rafique (Bangladesh)

Anis Ahmad (Pakistan)

Fikret Karcic (Bosnia)

Muhammad Al-Zuhayli (UAE)

Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

© 2023 by *International Islamic University Malaysia*

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.



E-ISSN: 2289-8077

Rangka Kerja Model Pembangunan Spiritual dalam Pembelajaran Subjek Kejuruteraan

The Framework of Spiritual Development Model in Learning Engineering Subjects

Muhajir Ab Rahim*

Abstrak

Pembangunan spiritual adalah penting dalam pembentukan jati diri seseorang pelajar. Sebahagian besar permasalahan rasuah dan kes-kes jenayah pada hari ini adalah berpunca daripada kegagalan pembangunan spiritual yang seimbang. Dari sudut pendidikan bidang kejuruteraan, pembangunan spiritual dilihat amat bergantung kepada inisiatif pelajar itu sendiri, dan amat jarang dilaksanakan secara sistematik oleh pihak pentadbiran pusat pengajian. Ini secara tidak langsung telah menyebabkan pembangunan diri pelajar tidak seimbang dan holistik. Kertas kerja ini mencadangkan satu kerangka konseptual model pembangunan spiritual pelajar yang dapat diintegrasikan dalam subjek-subjek kejuruteraan. Matlamat utama model pembangunan spiritual ini adalah bagi meningkatkan keimanan serta keyakinan terhadap keagungan Tuhan dan kehidupan akhirat. Tiga terbitan atribut asas iaitu rasa bertuhan, kesedaran sendiri, dan kesedaran ukhrowi telah dikenal pasti sebagai domain afektif dalam kerangka model ini. Subjek Kejuruteraan Kawalan (*Control Engineering*) yang diajar kepada pelajar tahun tiga dalam program pengajian Kejuruteraan Mekanik, Universiti Malaysia Perlis telah digunakan sebagai contoh subjek dalam kajian ini. Pelaksanaan model ini bermula dengan perancangan pengajaran di mana domain afektif yang berkaitan dihubungkan ke dalam topik-topik pembelajaran bersama domain kognitif yang sedia ada. Penilaian keberkesanan model ini boleh diukur dengan penilaian domain afektif seiringan dengan penilain domain kognitif subjek tersebut. Kerangka model konseptual ini dapat meningkatkan kualiti pembangunan spiritual pelajar seiring dengan pengajaran subjek-subjek

* Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik, Kampus Alam Pauh Putra, Universiti Malaysia Perlis, 02600 Arau, Perlis, Malaysia. E-mel: muhajir@unimap.edu.my

273 **Rangka Kerja Model Pembangunan Spiritual dalam Pembelajaran Subjek Kejuruteraan**

kejuruteraan, disamping memberi nilai tambah dalam bidang pendidikan kejuruteraan di Malaysia.

Kata Kunci: Model Pembangunan Spiritual, Kejuruteraan.

Abstract

Spiritual development is vital in the process of shaping one's identity. In many cases, the involvement in corruption and other criminal cases stems from the failure in attaining a balanced spiritual development. From the perspective of the engineering field of study, spiritual development is seen to be depending on the initiative of the students themselves, which is rarely done systematically by the administration of an educational institution. Indirectly, this will lead to a spiritual development that is unbalanced and not holistic. This article suggests a conceptual framework of the spiritual development model that can be integrated into engineering subjects. The main objective of this spiritual development model is to strengthen the student's faith and confidence in the greatness of God in life and the hereafter. Three main attributes which are the belief in God, self-awareness, and the awareness of the ukhrowi have been found to be the affective domain of the framework. *Control Engineering*, a subject that is being taught to third-year engineering students of Mechatronic Engineering, Universiti Malaysia Perlis, is used as an example for the purpose of this study. The implementation of this model starts with a teaching plan whereby relevant the affective domain will be integrated into the topics taught together with the existing cognitive domain. The evaluation of the effectiveness of this model will be measured through the assessment of the affective domain alongside the assessment of the cognitive domain in the subject taught. This conceptual framework of the model will be able to improve the quality of spiritual development among the students alongside the teaching process of engineering subjects. Hopefully, this conceptual framework can contribute to the academic field, especially in the field of engineering studies in Malaysia.

Keywords: Spiritual Development Model, Engineering.

Pendahuluan

Para siswazah adalah tonggak kepimpinan yang bakal menerajui negara kelak. Pendidikan yang berkualiti di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah asas bagi mewujudkan pembangunan lestari. Sejak dahulu lagi, negara kita telah melahirkan ramai cendekiawan dan golongan profesional bagi memenuhi kehendak pasaran industri. Namun demikian, isu keruntuhan moral di negara kita semakin bertambah saban tahun. Laporan media telah banyak memaparkan peningkatan masalah sosial dalam kalangan mahasiswa yang melibatkan isu

penyalahgunaan dadah, kes khalwat dan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral. Menurut statistik yang telah dikeluarkan oleh Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (Siti Haliza, 2021), terdapat peningkatan 40% pelajar universiti yang telah mendaftar untuk menjadi *sugar baby* melalui aplikasi Sugarbook sejak Januari 2021. Platform online itu turut mendedahkan senarai 'top 10' universiti *sugar baby* di Malaysia yang terletak di sekitar Lembah Klang. Lebih memeranjatkan, terdapat dua universiti awam dengan seramai 12,705 pelajar IPT berkenaan terjebak dalam kancas tersebut. Manakala statistik daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM, 2020), telah merekodkan kes penangkapan penjawat awam di atas kesalahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa telah meningkat sebanyak 23.2% dari tahun 2018 ke 2019. Ini jelas menunjukkan keruntuhan moral di negara kita adalah pada tahap yang amat membimbangkan.

Punca utama keruntuhan moral ini berkemungkinan besar adalah disebabkan oleh kegagalan sistem pendidikan negara kita. Al-Attas (1981) dan Mohd Kamal (1988) telah menjelaskan pendidikan moden yang bersifat liberal dan sekular akan mewujudkan generasi yang tidak seimbang kerana meminggirkan pembentukan akhlak dan rohani yang sihat. Dalam konteks pendidikan kejuruteraan di IPT, aspek spiritual atau kerohanian sememangnya telah dipisahkan secara total. Ini secara tidak langsung turut meyumbang kepada pembangunan mahasiswa yang tidak seimbang. Graduan yang bakal dihasilkan, dibimbangi akan mempunyai kepakaran dalam ilmu kejuruteraan, namun kurang nilai kemanusiaannya.

Pada pendahuluan artikel ini, kategori-kategori pelajar yang terhasil disebabkan ketidakseimbangan dalam pembangunan spiritual akan diperincikan melalui rajah cadangan kategori kuadran ketidakseimbangan. Seterusnya, beberapa kajian literatur model-model pendidikan sains secara Islamik di Malaysia akan dibentangkan. Ini diikuti dengan penerangan khusus berkenaan cadangan kerangka model konseptual bagi pembangunan spiritual pelajar dalam pembelajaran subjek kejuruteraan, bersama nilai-nilai kemanusiaan yang bakal terhasil. Di akhir artikel ini, penjelasan cara pelaksanaan model ini turut diberikan.

275 **Rangka Kerja Model Pembangunan Spiritual dalam Pembelajaran
Subjek Kejuruteraan**

Kuadran Ketidakseimbangan

Matlamat utama pendidikan di Malaysia adalah bagi melahirkan insan yang sempurna sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan;

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Namun demikian, pelaksanaan falsafah ini adalah menjadi cabaran dan isu sebenar. Sehingga kini, tiada kajian yang menunjukkan ianya telah berjaya dalam membentuk manusia yang sempurna dan seimbang dari sudut intelek, rohani, emosi dan jasmani. Secara amnya, pendidikan IPT lebih menumpukan kepada aspek intelektual berbanding aspek spiritual ataupun kerohanian. Ini kerana matlamat pembelajaran di IPT adalah lebih cenderung untuk memenuhi pasaran kerja dan kehendak industri.

	Rendah daya intelek	Tinggi daya intelek
Rendah nilai kemanusiaan	<u>Kuadran 1</u> Pengikut sesat	<u>Kuadran 2</u> Cenderung menipu
Tinggi nilai kemanusiaan	<u>Kuadran 3</u> Cenderung ditipu	<u>Kuadran 4</u> Pemimpin ikutan

Rajah 1: Cadangan Kategori Kuadran Ketidakseimbangan Pelajar

Cadangan kategori pembangunan pelajar yang tidak seimbang ini dapat diperincikan dalam kuadran-kuadran berdasarkan Rajah 1. Pada dasarnya, graduan IPT yang terhasil seharusnya berada di kuadran 4. Kuadran ini jelas menunjukkan ciri pelajar sebagai pemimpin ikutan berdasarkan nilai kemanusiaan dan tahap intelektual yang tinggi. Jika nilai kemanusiaan gagal diterapkan, graduan yang terhasil akan berada di kuadran 2. Pada kedudukan ini, graduan mempunyai potensi yang tinggi untuk menipu disebabkan ketinggian tahap intelek tetapi rendah nilai kemanusiaan. Graduan pada kuadran 3 pula akan mudah ditipu oleh graduan pada kuadran 2. Ini kerana, mereka memiliki tahap intelek yang

rendah walaupun mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi. Graduan yang terhasil pada kuadran 1 adalah yang paling parah. Ini kerana mereka bukan sahaja mempunyai tahap intelek yang rendah, bahkan nilai kemanusiaan juga pada tahap yang rendah. Mereka ini dapat digolongkan sebagai pengikut sesat.

Model Pembangunan Spiritual

Kajian Literatur


Model Pendidikan Bersepadu telah diperkenalkan oleh Tajul Ariffin (1990), yang merupakan model teoretikal ke arah pembentukan pendidikan bersifat *Rabbani-Ibadat*. Model kajian ini telah diteruskan oleh Zainab, Johari dan Sulaiman (2014), yang menegaskan kecermerlangan intelektual pelajar seharusnya seiring dengan tahap ketaqwaan kepada Allah. Mereka telah merangka Model Konstruktivis Bersepadu yang bertujuan untuk menyatukan akidah tauhid dengan sains. Dalam kajian tersebut, contoh pelan pengajaran bagi mata pelajaran fizik telah digunakan untuk menekankan kesepaduan bahan pengajaran secara kognitif dan afektif. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga telah membangunkan Model Kurikulum Integrasi dan Holistik yang dikhususkan untuk Maahad Tahfiz Integrasi di Selangor bagi melahirkan generasi Al-Quran (Zetty Nurzuliana & Ab. Halim, 2014). Sementara itu, Mohd. Kamal (2010) telah merangka Model Ulul Albab berasaskan Al-Quran yang menuntut golongan intelektual dan ulama menggabungkan pemahaman sains alami (*Book of Nature*) dengan wahyu (*Book of Revelation*), iaitu dengan menyepadukan akal manusia dengan wahyu Ilahi. Menurut Rohaizan Baru (2014), model tersebut diasimilasikan dalam kurikulum dengan menekankan 3 komponen penting iaitu *Encyclopedic*, *Ijtihadic* dan *Quranic*. Komponen *Encyclopedic* merujuk kepada ilmu pelbagai bahasa dan pelbagai disiplin. Manakala komponen *Ijtihadic* pula merujuk kepada kreativiti dan inovatif dalam penyelesaian masalah. Kebolehan membaca dan menghafal Al-Quran ditekankan dalam komponen *Quranic*. Model Ulul Albab ini telah digunakan di sekolah-sekolah Imtiaz di Terengganu dan Maktab Rendah Sains MARA terpilih, serta di beberapa sekolah di Kedah. Namun demikian, kesemua model-model yang dikemukakan di atas adalah dikhususkan kepada

277 **Rangka Kerja Model Pembangunan Spiritual dalam Pembelajaran
Subjek Kejuruteraan**

pelajar muslim sahaja dan ianya bukan bagi bidang pendidikan di IPT.

**Model Konseptual Pembangunan Spiritual bagi
Pelajar Kejuruteraan**

Model Konseptual Pembangunan Spiritual yang dicadangkan dalam kajian ini adalah dikhususkan kepada pelajar IPT dalam bidang kejuruteraan. Ianya adalah berdasarkan saling hubungkait di antara domain kognitif (intelekt) dan domain afektif (perasaan/emosi) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Domain kognitif adalah menjurus kepada kefahaman topik-topik ilmu kejuruteraan yang dipelajari. Manakala tiga terbitan atribut asas iaitu *rasa bertuhan*, *kesedaran sendiri*, dan *kesedaran ukhrowi* telah dikenal pasti sebagai domain afektif dalam kerangka model ini. Kesemua attribut ini adalah bersifat universal supaya dapat diterima oleh semua pelajar tanpa mengira agama dan kepercayaan masing-masing.



Rajah 2: Saling Hubungkait Domian Kognitif dan Domain Afektif dalam Pembangunan Spiritual


Attribut *rasa bertuhan* adalah kesedaran akan sifat-sifat Tuhan seperti Maha Agung, Maha Penyayang dan Maha Bijaksana. Attribut *kesedaran sendiri* pula bermaksud kesedaran akan kelemahan dan keterbatasan diri. Akhir sekali, attribut *kesedaran ukhrowi* bermaksud kesedaran bahawa kehidupan dunia adalah sementara dan kehidupan akhirat adalah kekal abadi. Elemen-elemen kesedaran ini hanya akan timbul dan dapat dibangunkan apabila ianya dikaitkan seiring dengan proses pembelajaran dalam domain kognitif. Apabila wujud perhubungan dan

saling kait antara domain kognitif dan domain afektik, akan terbentuklah minda yang merasa dan hati yang berfikir.

Justeru itu, nilai-nilai kemanusiaan juga akan terhasil kesan daripada perhubungan dan proses hubungkait antara domain kognitif dan domain afektif. Contohnya, dengan *rasa bertuhan* akan lahir sifat bersyukur, sabar dan ketenangan. Manakala dengan *kesedaran sendiri* akan muncul sifat kehambaan, merendah diri dan kesederhanaan. Kesan dari *kesedaran ukhrowi* pula akan menjadikan pelajar itu bertanggungjawab, berintegriti dan berhati-hati dalam setiap tindakan.

Pelaksanaan Model

Secara umumnya, pelan pelaksanaan model konseptual ini dapat dilakukan mengikut empat peringkat seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Pelan Pelaksanaan Model Konseptual

Perancangan

Peringkat pertama bagi pelaksanaan model ini ialah perancangan. Di sini pensyarah perlulah merangka pelan pengajaran secara sistematik dan mengenalpasti topik manakah yang bersesuaian untuk dikaitkan dengan tiga atribut afektif tersebut. Dalam kajian ini, subjek Kejuruteraan Kawalan (*Control Engineering*) telah digunakan

279 **Rangka Kerja Model Pembangunan Spiritual dalam Pembelajaran Subjek Kejuruteraan**

sebagai contoh pelaksanaan model ini. Subjek ini diajar kepada pelajar tahun tiga dalam program pengajian Kejuruteraan Mekanik, Universiti Malaysia Perlis.

Attribut *rasa bertuhan* dan *kesedaran sendiri* telah dikaitkan pada topik Pengenalan kepada Kejuruteraan Kawalan (*Introduction to Control Engineering*) subjek tersebut. Sebagai contoh, pensyarah dapat menghadirkan perasaan kehebatan Tuhan yang Maha Kuasa melalui penerangan ketidakmampuan manusia untuk mengawal pergerakan bulan dan matahari. Walaupun manusia mampu mengawal mesin dan jentera, kemampuan manusia tetap mempunyai batasan. Manakala dalam topik pembelajaran Permodelan Matematik (*Mathematical Modelling*), sifat Tuhan yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana telah diserlahkan. Secara amnya, tujuan utama pembelajaran permodelan matematik adalah untuk mengetahui sifat sesuatu sistem melalui hubungan *input* dan *output*. Justeru itu, sifat Tuhan yang sememangnya Maha Mengetahui akan diri kita adalah kerana Dia mengetahui perkara yang lepas (*output*) dan perkara yang akan datang (*input*) berkenaan diri kita.

Attribut *kesedaran diri* telah dikaitkan dalam pembelajaran topik Penderiaan (*sensing*). Dalam bidang kejuruteraan kawalan, penderia yang bersih tanpa kotoran adalah penting untuk ianya berfungsi dengan baik. Selain itu, penderia juga perlu ditentukur sebelum digunakan supaya ianya dapat mencerap data dengan tepat. Konsep ini boleh diumpamakan dalam penyucian hati manusia. Sebagai manusia, kita seharusnya sentiasa memastikan hati kita dalam keadaan bersih supaya ia dapat membezakan antara perkara haq dan batil.

Manakala atribut *kesedaran ukhrowi* pula telah dikaitkan dalam pembelajaran topik Kestabilan Sistem (*System Stability*). Dalam topik tersebut, terdapat kaitan karakter bagi kestabilan sesebuah sistem dalam domain masa (*time domain*) dan domain frekuensi (*frequency domain*). Konteks ini adalah seumpama alam dunia dan alam akhirat, di mana setiap tindakan di dunia akan ada kesannya di akhirat.

Penyampaian

Pada peringkat ini, pensyarah memerlukan kreativiti dalam kaedah penyampaian kepada pelajar. Kaedah penyampaian boleh dalam bentuk syarahan, penceritaan dan perbincangan bersama pelajar. Para pelajar juga digalakkan untuk berkongsi idea dan pandangan dalam

sesuatu topik kejuruteraan yang dipelajari, dan bagaimana hubungkaitnya dengan tiga atribut afektif yang diperkenalkan. Pembacaan tambahan seperti hadis dan ayat-ayat Quran adalah amat baik untuk digunakan bagi mengukuhkan kefahaman dalam domain kognitif dan sebaliknya.

Penilaian

Penilaian pelajar adalah amat penting dalam mengukur prestasi pencapaian mereka. Soalan esei serta soalan kaji selidik sebelum dan selepas kelas dapat dijalankan untuk melihat kemajuan pembangunan spiritual mereka. Selain itu pelajar juga dapat meluahkan ekspresi perasaan berhubung peningkatan spiritual mereka melalui lagu dan sajak. Penyampaian kreatif pelajar melalui aplikasi media sosial seperti *Instagram* dan *Tik Tok* juga turut digalakkan. Namun demikian, pensyarah perlulah menyediakan rubrik pemarkahan yang besesuaian.

Penambahbaikan Kualiti Secara Berterusan

Peringkat terakhir dalam pelaksanaan model ini ialah proses penambahbaikan kualiti secara berterusan. Berdasarkan maklum balas dan prestasi pencapaian pelajar, perubahan pada kaedah penyampaian dan penilaian dapat dijalankan. Perubahan-perubahan yang bersesuaian ini haruslah direkodkan dan diberi perhatian pada peringkat perancangan sebelum ianya dilaksanakan. Proses ini seharusnya berjalan secara berterusan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Kesimpulan

Kajian ini telah membentangkan cadangan kerangka model konseptual bagi pembangunan spiritual pelajar dalam pembelajaran subjek kejuruteraan. Objektif utama pembangunan model ini adalah bagi melahirkan pelajar yang seimbang dari sudut intelek dan spiritual. Kuadran ketidakseimbangan pelajar telah dicadangkan dan penerangan setiap kuadran telah dihuraikan dalam kajian ini. Tiga atribut afektif iaitu rasa bertuhan, kesedaran sendiri dan kesedaran ukhrowi telah diperkenalkan bagi menghubungkaitkannya dengan domain kognitif dalam pembelajaran subjek kejuruteraan. Nilai-nilai kemanusiaan yang terhasil daripada model konseptual ini juga telah diterangkan. Subjek

281 **Rangka Kerja Model Pembangunan Spiritual dalam Pembelajaran Subjek Kejuruteraan**

Kejuruteraan Kawalan (*Control Engineering*) telah digunakan sebagai contoh bagaimana domain kognitif dapat dihubungkan dengan domain afektif bagi pembangunan spiritual pelajar. Keadah pelaksanaan model konseptual ini juga telah dibentangkan sebagai panduan.

BIBLIOGRAFI

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1981). *Islam dan Sekularisme*. Terj. Karsidjo Djojosuwarno. Jakarta: Pustaka.

Mohd. Kamal Hassan. (1988). *Pendidikan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Nurin.

Mohd. Kamal Hassan. (2010). *A Return To The Quranic Pradigm Of Development And Integrated Knowledge: The Ulul Al-Bab Model*. *Intellectual Discourse*, 18(2), 183-120.

Rohaizan Baru, Zulkifli A. Manaf, Abdul Hakim Abdullah, & Syed Mohd Azmi Syed Ab. Rahman. (2014). *Showcasing an Alternative Educational Systems Using the Philosophy of Ulul Albab*. *Swiss Journal of Research in Business and Social Sciences*, 1(1), 1-10.

Siti Haliza Yusop. (2021). *Ambil perhatian isu 'sugar daddy' dalam kalangan mahasiswa*. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/785294/ambil-perhatian-isu-sugar-daddy-dalam-kalangan-mahasiswa>

SPRM. (2020). *Statistik Jenayah Malaysia, 2020*. Diambil daripada https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=455&bul_id=UFZxVnpONEJqUU5pckJlbzlXeEJ1UT09&menu_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09

Tajul Ariffin Noordin. (1990). *Pendidikan; Satu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zainab Jelani, Johari Surif, & Sulaiman Shakib. (2014). *Modul Pengajaran Sains Berdasarkan Model Konstruktivis Bersepadu*. Paper presented at the Oasis International Conference on Islamic Education (OICIE2014), PWTC, Kuala Lumpur.

Zetty Nurzuliana Rashed, & Ab. Halim Tamuri. (2014). *Melahirkan Generasi Al-Quran Melalui Kurikulum Pendidikan Integrasi Dan Holistik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)*. *E - Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 1(2), 74-83.